

21 MAY 2003

Fong-Pakej/I

RM600 JUTA DIPERUNTUKKAN BAGI SISWAZAH DAN LEPASAN SEKOLAH

PUTRAJAYA, 21 Mei (Bernama) -- Kementerian Sumber Manusia akan menggunakan dengan berkesan geran berjumlah RM600 juta yang disuntik dalam pakej ekonomi untuk Kementerian itu bagi menolong siswazah baru dan lepasan sekolah, kata menteri berkenaan Datuk Dr Fong Chan Onn.

Beliau berkata peruntukan itu akan digunakan bagi melatih semula siswazah baru untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan dan kemahiran baru.

"Dana itu akan memberi manfaat besar kepada siswazah baru dan lepasan sekolah yang antara 9,000 dan 10,000 daripada mereka sedang mengikuti latihan di pelbagai pusat latihan setiap tahun," katanya kepada pemberita sebagai mengulas pakej ekonomi bernilai RM7.3 bilion yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata sejumlah RM100 juta telah diperuntukkan di bawah pakej berkenaan bagi melatih semula siswazah dalam kemahiran baru seperti teknologi maklumat komunikasi (ICT), pengurusan, perakaunan dan bahasa.

Sejumlah RM500 juta lagi diperuntukkan di bawah Tabung Pembangunan Kemahiran bagi membantu lepasan sekolah mendapat pinjaman untuk mengikuti latihan kemahiran yang boleh membantu mereka mendapatkan pekerjaan, katanya selepas mesyuarat mingguan Kementerian itu di sini.

Mengulas bantahan MTUC mengenai jumlah bayaran dividen oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Fong berkata tindakan itu tidak wajar kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengumumkan pakej ekonomi strategik baru bagi menolong meningkatkan ekonomi negara.

"Apa yang penting dilakukan oleh setiap orang termasuk MTUC dalam keadaan sekarang ialah memastikan ekonomi negara terus berada pada landasannya dan tidak menimbulkan isu yang boleh merosakkannya," kata beliau.

Beliau berkata presiden MTUC Senator Zainal Rampak adalah seorang daripada anggota lembaga pengarah KWSP berkenaan dan oleh itu beliau sepatutnya mengadakan perbincangan terbuka dengan anggota lain lembaga mengenai isu dividen itu.

-- BERNAMA

HM AHH RON